

Rujukan: USM 86/15 Jld. XXIII

Tarikh: 2 Ogos 2017

Semua Dekan/Pengarah
Pusat Pengajian/Pusat/Institut
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 39/2017
SENARAI TERKINI CALON BAGI KERUSI PUSAT PENGAJIAN/INSTITUT/PUSAT DAN KAMPUS
UNTUK PEMILIHAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT UNIVERSITI (2017-2020)**

Dengan hormatnya perkara di atas dan Hebahan Pendaftar Bil. 35/2017 bertarikh 31 Julai 2017 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **senarai terkini** calon selepas proses tarik diri pemilihan Profesor Sebagai Ahli Senat Universiti (2017-2020) bagi kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat dan Kerusi Kampus boleh dicapai melalui :

- i. Laman Sesawang USM
- ii. Sistem e-Undi Senat (<https://eundi.usm.my>)

3. Saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan bahawa semua Profesor (termasuk Profesor yang menarik diri sebagai calon) dan Profesor Madya yang disenaraikan dalam Daftar Pemilih adalah layak untuk mengundi mengikut Pusat Tanggungjawab dan Kampus masing-masing.

4. YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan diminta untuk menunaikan tanggungjawab memilih Profesor sebagai Ahli Senat pada tarikh dan masa seperti yang ditetapkan iaitu pada hari **Khamis, 3 Ogos 2017 mulai jam 9:00 pagi sehingga 4:00 petang (waktu Malaysia)**.

5. Mohon kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk memanjangkan hebahan ini kepada semua pemilih di PTJ masing-masing.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'



(PROFESOR DATO' DR. ABD AZIZ TAJUDDIN)
Pendaftar

Tel: 604-653 3111/2403 | Faks: 604-658 1718 | Emel: draat@usm.my

s.k.: Naib Canselor